

Tata Kelakuan Perniagaan Beretika

Tarikh Kuat Kuasa: 08/01/2017

I. PENGENALAN

Tata Kelakuan Perniagaan Beretika ini ("Tatalaku") adalah panduan untuk semua ahli pasukan, pegawai dan ahli Lembaga Pengarah ("pengarah") (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "anda") Norwegian Cruise Line Holdings Ltd. dan syarikat subsidiari dan jenamanya (secara kolektif "NCLH"). Adalah menjadi dasar ketat NCLH menjalankan segala aktiviti syarikat mengikut keperluan tersurat dan tersirat undang-undang yang terpakai dan mendukung piawai tatalaku perniagaan beretika yang tertinggi. Tatalaku ini telah diterima pakai oleh pengarah-pengarah NCLH dan menerapkan piawai kelakuan perniagaan beretika ini dalam semua perkara yang dilakukan dalam perniagaan harian NCLH.

II. DASAR

Komitmen anda kepada Tatalaku ini adalah penting kepada kejayaan NCLH. Oleh itu, dasar NCLH menghendaki anda menyemak dengan teliti keseluruhan Tatalaku ini, dan menandatangani Borang Perakuan Ahli Pasukan Tata Kelakuan Perniagaan Beretika ("Perakuan"), dan menggunakan Tatalaku ini dalam semua aktiviti perniagaan harian anda.

III. TUJUAN

Tujuan Tatalaku ini adalah untuk menjadi panduan bagi tindakan dan keputusan yang anda buat bagi pihak NCLH. Tatalaku ini tidak bertujuan memberikan semua jawapan, atau menjadi kontrak yang tersirat atau tersurat atau tuntutan dalam apa jua bentuk. Sebaliknya, Tatalaku dimaksudkan sebagai panduan praktikal kepada beberapa situasi yang mungkin lebih lazim anda hadapi semasa menjalankan tanggungjawab tugas anda. Tidak semua jawapan akan didapati dan ada pertanyaan tentang kelakuan perniagaan yang tidak akan diliputi dalam Tatalaku ini. Dalam situasi demikian, anda digalakkan menghubungi Pegawai Etika Korporat ("CETHO") NCLH. CETHO sentiasa bersedia untuk menjadi orang hubungan anda bagi perkara berkaitan tata kelakuan perniagaan beretika yang memerlukan penjelasan, serta juga masalah atau situasi berkonflik.

IV. SKOP

Dasar ini terpakai kepada semua pengarah, pegawai dan semua ahli pasukan yang lain yang dikecualikan (bergaji) dan tidak dikecualikan (dibayar mengikut jam), sepenuh masa dan separuh masa, bahagian kapal dan bahagian pantai NCLH dan syarikat subsidiarinya serta semua kontraktor dan perunding menjalankan penugasan sementara dengan NCLH.

V. TANGGUNGJAWAB

- A. Anda adalah bertanggungjawab mematuhi semua peruntukan Tatalaku.
- B. Jabatan Sumber Manusia ("HR") adalah bertanggungjawab memastikan anda menandatangani dan/atau mengesahkan secara elektronik Perakuan, yang dilampirkan di sini sebagai Ekshibit I; semua Perakuan menjadi sebahagian daripada fail kakitangan anda.
- C. Penasihat Undang-undang dilantik sebagai CETHO dan adalah bertanggungjawab mentafsirkan Tatalaku dan mewujudkan dan mengekalkan program untuk memantau pematuhan Tatalaku.
- D. Pengabaian atau pelanggaran Tatalaku akan menyebabkan penyiasatan, yang boleh

Tata Kelakuan Perniagaan Beretika

Tarikh Kuat Kuasa: 08/01/2017

membawa kepada akibat yang mungkin termasuk tindakan disiplin sewajarnya sehingga dan termasuk penamatan kerja, dan jika terpakai, mungkin tindakan sivil atau jenayah.

VI. GARIS PANDUAN

A. Konflik Kepentingan

Anda harus mengelak sebarang situasi yang mungkin melibatkan konflik antara kepentingan peribadi anda dan kepentingan NCLH. Situasi konflik kepentingan boleh timbul apabila seorang pengarah, pegawai atau ahli pasukan mengambil tindakan atau mempunyai kepentingan yang boleh menyukarkan pelaksanaan tugasnya secara objektif dan berkesan untuk NCLH. Situasi konflik kepentingan juga mungkin berlaku apabila seorang pengarah, pegawai atau ahli pasukan, atau ahli keluarga beliau, menerima faedah peribadi yang tidak wajar kerana jawatannya di NCLH. Pinjaman kepada, atau jaminan obligasi, ahli pasukan dan ahli keluarga mereka boleh mewujudkan konflik kepentingan. NCLH, tertakluk kepada pengecualian terhad tertentu, dilarang di bawah Akta Sarbanes-Oxley 2002 daripada memberi atau mengaturkan kredit dalam bentuk pinjaman peribadi kepada pengarah dan pegawai eksekutif. Dalam berurusan dengan ejen semasa atau bakal, wakil, rakan perniagaan, pembekal, pelanggan, vendor, perunding, kontraktor bebas ("Pihak Ketiga") dan pesaing, anda hendaklah bertindak untuk kepentingan terbaik NCLH dan menolak kepentingan peribadi.

Anda juga harus mengelak daripada menerima hadiah, ganjaran, bantuan atau faedah lain yang mungkin menjejaskan atau kelihatan menjejaskan pertimbangan anda bagi pihak kami. Sebarang hadiah besar atau bantuan yang ditawarkan oleh Pihak Ketiga sebenar atau bakal, sama ada dalam bentuk nyata atau dalam bentuk perkhidmatan atau faedah individu, hendaklah ditolak kecuali penerimaan hadiah atau bantuan itu telah diluluskan oleh penyelia anda atau, dalam hal pegawai eksekutif atau pengarah, oleh Jawatankuasa Audit atau Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Larangan ini tidak bertujuan dikenakan kepada ihsan lazim alam perniagaan, seperti hadiah tanda ingat bernilai kecil, keraian sederhana berkaitan dengan hubungan perniagaan, atau pemberian atau penerimaan layanan biasa yang bersifat sosial.

1. Pekerjaan Luar (tidak terpakai kepada pengarah)

- a. Anda mesti mendapatkan kelulusan daripada penyelia dan ketua jabatan anda sebelum menerima atau meneruskan pekerjaan di luar. HR hendaklah menyiasat jika ia adalah konsisten.
- b. Anda diharap tidak akan melibatkan diri dalam pekerjaan luar yang boleh menjejaskan kepentingan NCLH, termasuk pekerjaan yang:
 - i. bersaing dengan aktiviti NCLH;
 - ii. melibatkan sebarang penggunaan maklumat dalaman bukan awam (seperti ditakrifkan dalam Seksyen VI.F), peralatan, bekalan atau kemudahan NCLH;
 - iii. mengandaikan penajaan atau sokongan oleh NCLH kepada majikan luar; atau
 - iv. menjejaskan nama baik NCLH.

Tata Kelakuan Perniagaan Beretika

Tarikh Kuat Kuasa: 08/01/2017

- c. Pekerjaan luar yang diluluskan diharap tidak akan menjejaskan prestasi kerja anda di NCLH. Penjejasan termasuk, tetapi tidak terhad kepada: ketidakhadiran, kelewatan, pulang awal, keengganan membuat perjalanan, keengganan bekerja lebih masa atau waktu atau syif yang berlainan.
- d. Anda dilarang menerima pekerjaan sepenuh masa, separuh masa atau sementara dengan mana-mana organisasi yang mengurus niaga dengan NCLH kecuali disiasat oleh HR dan diluluskan secara bertulis oleh NCLH sebelum jawatan berkenaan diterima. Larangan mengenai pekerjaan ini termasuk berkhidmat sebagai penasihat atau perunding kepada mana-mana organisasi demikian, kecuali aktiviti tersebut dijalankan sebagai wakil NCLH tanpa pampasan tambahan dan telah diluluskan secara bertulis terlebih dahulu oleh HR dan CETHO.
- e. Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") dan Presiden, Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Jenama, Ketua Pegawai Kewangan, Naib Presiden Eksekutif, Naib Presiden Kanan, Naib Presiden, Pengarah-pengarah Kanan dan ahli pasukan peringkat Pengarah NCLH dikehendaki menumpukan seluruh tenaga kerja mereka untuk melaksanakan tugas-tugas mereka di NCLH. Oleh itu, sekiranya anda memegang mana-mana jawatan ini, anda dilarang menerima jawatan berbayar di luar. Sebarang kekecualian mesti disiasat dan diluluskan oleh CETHO atau CEO.

2. Kepentingan Kewangan

- a. Kepentingan kewangan secara langsung atau tidak langsung dalam mana-mana entiti yang mengurus niaga dengan NCLH atau pesaing NCLH merupakan konflik kepentingan dan mesti dilaporkan sepenuhnya kepada penyelia dan ketua jabatan anda. Anda dikehendaki memaklumkan penyelia anda (atau, bagi pengarah, Jawatankuasa Audit atau Lembaga Pengarah) jika anda atau mana-mana ahli keluarga terdekat anda, memiliki lebih daripada satu peratus saham yang diterbitkan dalam mana-mana entiti milik awam yang kerap diniagakan di sebarang pasaran terbuka yang mengurus niaga dengan NCLH atau adalah pesaing NCLH. NCLH mungkin menghendaki penyahlaburan kepentingan kewangan itu jika ia dikira bertentangan dengan kepentingan terbaik NCLH. Jika anda memegang jawatan di NCLH sebagai ahli pasukan di peringkat Pengarah atau lebih tinggi, atau anda adalah Pengarah dalam Lembaga Pengarah NCLH, anda tidak dibenarkan memegang apa-apa pemilikan dalam syarikat pesaing langsung NCLH (pesaing langsung ditakrifkan sebagai Carnival Corporation dan Royal Caribbean Cruises Ltd.) oleh kerana sebarang pemilikan akan dianggap sebagai konflik kepentingan, kecuali kepentingan tidak langsung melalui dana bersama berasas luas atau dana pelaburan sepertinya yang ahli pasukan atau pengarah NCLH berkenaan tiada mempunyai budi bicara mengenai pemilihan pelaburan.
- b. Anda dilarang membeli atau menyewa barangan atau peralatan bagi pihak NCLH daripada orang yang anda bersaudara atau entiti yang anda ada kepentingan. Selain itu, anda tidak dibenar memasukkan sebarang faedah kebetulan kepada diri sendiri, atau kepada mana-mana pihak ketiga, dalam sebarang transaksi demikian. Sebarang transaksi

Tata Kelakuan Perniagaan Beretika

Tarikh Kuat Kuasa: 08/01/2017

demikian hendaklah diberitahu kepada CETHO untuk dinilai sebelum transaksi demikian dilakukan.

- c. Pencarian pelanggan dalam apa jua bentuk tidak dibenarkan di kawasan milik NCLH dan semasa waktu kerja. Anda dilarang melibatkan diri dalam jualan produk kepada sesama ahli pasukan NCLH atau menyimpan produk tersebut dalam kawan kerja anda.

3. Hadiah dan Ganjaran

- a. Anda dan ahli keluarga terdekat anda dilarang menerima hadiah kecuali yang bernilai nominal daripada sesiapa atau mana-mana entiti yang mengurus niaga atau ingin mengurus niaga dengan NCLH, termasuk Pihak Ketiga (seperti ditakrifkan dalam Seksyen VI.A). Nilai nominal merujuk kepada barang promosi atau acara yang bernilai runcit \$200 ke bawah dan tidak diberikan selalu (seperti kalendar, bakul hadiah perayaan, atau tiket ke acara atau rombongan amal tajaan Pihak Ketiga), dan dengan syarat tiada balasan atau layanan istimewa diharapkan.
- b. Tiada hadiah wang tunai atau apa-apa jenis kad hadiah boleh diterima daripada Pihak Ketiga atau pesaing yang sedia ada atau bakal. Penerimaan sebarang item, kad hadiah atau jemputan ke acara yang bernilai lebih daripada \$200 mesti diluluskan oleh CETHO dan didedahkan secara bertulis kepada HR dengan salinan kelulusan dan pendedahan itu kepada Naib Presiden jabatan anda. Secara am, hadiah-hadiah ini hendaklah dikembalikan kepada penghantar, dengan penjelasan tindakan anda adalah selaras dengan dasar syarikat. Dalam keadaan di mana memulangkan hadiah bernilai lebih \$200 adalah tidak praktikal (seperti pengiktirafan pelanggan terhadap ahli pasukan/anak kapal), anda dikehendaki mendedahkan kepada HR untuk kelulusan menyimpannya atau mendermakan kepada amal.
- c. Soalan mengenai keadaan tertentu yang mungkin kelihatan seperti pelanggaran dasar ini perlu disemak dengan HR dan/atau CETHO sebelum pertimbangan dan penerimaan.

4. Pengambilan kerja Ahli Keluarga Terdekat

- a. Konflik kepentingan wujud jika anda melapor kepada ahli keluarga terdekat anda atau jika ahli keluarga terdekat anda berada di dalam rantaian perintah yang sama dengan anda dalam jabatan yang sama. Jika ahli keluarga terdekat anda bekerja dengan NCLH dalam jawatan penyeliaan atau di bawah anda secara langsung, atau di dalam rantaian perintah yang sama, anda dikehendaki melaporkan situasi itu sebelum HR mengetahuinya.
- b. Ahli keluarga terdekat anda tidak dibenarkan bekerja dalam jabatan yang sama dengan anda atau dalam sebarang jawatan di luar jabatan itu yang NCLH percaya boleh mewujudkan konflik kepentingan.
- c. Pengambilan kerja ahli keluarga terdekat anda oleh pesaing, atau mana-mana Pihak Ketiga yang bertindak bagi pihak NCLH boleh juga

Tata Kelakuan Perniagaan Beretika

Tarikh Kuat Kuasa: 08/01/2017

menimbulkan masalah konflik kepentingan. Anda dikehendaki melaporkan situasi pengambilan kerja itu kepada HR sebelum ahli keluarga terdekat anda berada dalam hubungan pekerjaan sedemikian. Jika CETHO memastikan konflik atau kemungkinan konflik wujud, penentuan akan dibuat mengenai tindakan yang perlu diambil untuk melindungi kepentingan NCLH.

- d. "Keluarga terdekat" ditakrifkan sebagai suami, isteri, pasangan hidup, pasangan domestik, ibu, bapa, ibu-bapa tiri, anak, anak tiri, adik-beradik lelaki, adik-beradik perempuan, adik-beradik tiri, datuk-nenek, cucu, ibu mertua, bapa mertua dan suami atau isteri atau pasangan hidup anak anda, adik-beradik anda atau orang yang tinggal serumah dengan anda. Sebarang hubungan keluarga tambahan (*cth.*, ibu saudara, bapa saudara, anak saudara, dsb.) yang akan bekerja di NCLH mesti didedahkan dan akan dikaji oleh HR.

5. Hubungan

- a. Ada kalanya, hubungan romantik dan/atau seksual secara rela atau hubungan hidup platonik antara ahli pasukan mungkin berlaku. Hubungan demikian antara penyelia dengan ahli pasukan di mana penyelia boleh mempengaruhi kemajuan atau penugasan seorang ahli pasukan yang lain adalah dilarang sama sekali. Selain itu, garis panduan ini juga terpakai jika seorang ahli pasukan keluar dengan pekerja Pihak Ketiga NCLH atau apabila sesuatu hubungan menimbulkan konflik kepentingan atau kemungkinan ketidaksopanan.
- b. Jika hubungan demikian timbul antara penyelia dengan ahli pasukan, penyelia dikehendaki mendedahkan hubungan itu kepada HR (bahagian pantai atau bahagian kapal, yang mana berkenaan) agar perubahan tanggungjawab individu yang terlibat atau pemindahan lokasi di dalam NCLH boleh dibuat. HR akan bekerjasama dengan pengurusan penyelia dan ahli pasukan untuk menentukan tindakan yang sesuai.
- c. Ahli-ahli pasukan ini tidak boleh dibenarkan dalam hubungan kerja yang boleh mewujudkan situasi yang, mengikut budi bicara NCLH, terlalu mempengaruhi prestasi kerja mereka atau prestasi kerja orang lain. Jika pemindahan atau perubahan tidak boleh dilakukan, salah seorang ahli pasukan mungkin dikehendaki menamatkan perkhidmatan dengan NCLH secara sukarela.
- d. Ahli pasukan bahagian kapal boleh dibenarkan terlibat dalam hubungan di dalam rantaian perintah yang sama selagi hubungan itu bukan antara penyelia dengan bawahan langsung. Hubungan di bahagian kapal antara penyelia dengan bawahan langsung yang wujud pada atau sebelum 15 Ogos 2015 akan dibenarkan jika didedahkan kepada HR.
- e. Jika berlaku masalah di tempat kerja akibat hubungan keluar bersama lain yang dibenarkan, NCLH akan mengambil tindakan sewajarnya, mengikut keperluan.

Tata Kelakuan Perniagaan Beretika

Tarikh Kuat Kuasa: 08/01/2017

- f. Sama ada hubungan telah didedahkan atau tidak, jika pekerjaan anda terjejas, secara negatif atau sebaliknya, kerana hubungan seperti itu, anda harus hubungi HR (bahagian pantai atau bahagian kapal, yang mana berkenaan) dengan segera.

B. Peluang Korporat

Pengarah, pegawai dan ahli pasukan mempunyai kewajipan terhadap NCLH untuk memajukan kepentingannya yang sah apabila peluang untuk melakukannya timbul. Pengarah, pegawai dan ahli pasukan dilarang daripada mengambil untuk diri sendiri peluang peribadi yang ditemui melalui penggunaan harta korporat, maklumat dalaman (seperti ditakrifkan dalam Seksyen VI.F) atau jawatan tanpa persetujuan Lembaga Pengarah. Ahli pasukan tidak boleh menggunakan harta korporat, maklumat dalaman atau jawatan untuk kepentingan peribadi dan ahli pasukan tidak boleh bersaing secara langsung atau tidak langsung dengan NCLH. Selain daripada yang dinyatakan di atas, undang-undang kecil kita memperuntukkan bahawa pengarah tertentu kita yang bergabung dengan pemegang saham utama kita tidak bertanggungjawab bagi sebarang pelanggaran kewajipan fidusiari atas dasar individu tersebut mengarahkan peluang korporat kepada sekutu pemegang saham utama yang berkenaan dan bukan kepada NCLH atau tidak memberitahu tentang peluang korporat kepada NCLH yang telah diberitahukan kepada ahli gabungan pemegang saham utama tersebut.

C. Bayaran Tanpa Kebenaran

Adalah menjadi dasar NCLH untuk menjalankan setiap transaksi perniagaan dengan integriti, tidak kira perbezaan adab dan tradisi tempatan dan mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan Amerika Syarikat ("A.S."), terutama sekali Akta Amalan Rasuah Asing dan undang-undang dan peraturan anti-rasuah negara lain di mana NCLH beroperasi, termasuk Akta Sogokan U.K. 2010 (rujuk kepada *CORP-1051 Dasar Anti-Rasuah* untuk butir selanjutnya).

1. Sumbangan Politik

Tiada sumbangan harus dibuat daripada dana korporat atau aset korporat lain, secara langsung atau tidak langsung atau melalui pihak ketiga, kepada mana-mana calon politik atau parti politik tanpa kelulusan CEO dan Presiden NCLH. Sumbangan dana peribadi untuk tujuan politik dan penyertaan peribadi lain dalam proses politik semasa tidak bertugas, tentu sekali, tidak dilarang atau disekat oleh Tatalaku.

Selain itu, NCLH melarang pemaparan bahan politik di premis syarikat, termasuk kawasan pejabat dan di atas kapal.

2. Bayaran daripada atau kepada Pihak Ketiga

Anda sekali-kali tidak boleh menerima sebarang bayaran daripada atau membuat sebarang bayaran kepada pekerja Pihak Ketiga (seperti ditakrifkan dalam Seksyen VI.A) untuk tujuan mempengaruhi kelakuannya berhubung dengan perniagaan Pihak Ketiga dengan NCLH. Bayaran demikian boleh dianggap sebagai sogokan komersial dan boleh mengakibatkan pendakwaan

Tata Kelakuan Perniagaan Beretika

Tarikh Kuat Kuasa: 08/01/2017

jenayah atau liabiliti sivil. Selain itu, ahli pasukan NCLH mesti mengikut proses syarikat dan mematuhi sistem kawalan dalaman ke atas pemilihan Pihak Ketiga (selaras dengan *PURCH-1001 Corporate Purchasing Policy (PURCH-1001 Dasar Pembelian Korporat)*) kerana pemilihan ini tidak harus berdasarkan penerimaan hadiah, layanan atau bayaran.

3. Kerajaan

- a. Bayaran, Sogokan. Tiada bayaran atau hadiah yang berunsur rasuah, wang sogokan atau rebat harus dibuat secara langsung atau tidak langsung, atau melalui orang ketiga, kepada pegawai kerajaan, pekerja atau kontraktor/perunding A.S. atau kerajaan asing untuk sebarang tujuan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - i. mempercepatkan pelaksanaan mana-mana fungsi atau perkhidmatan yang pegawai wajib laksanakan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab rasminya; dan
 - ii. mendorong pegawai tersebut menggunakan pengaruhnya untuk mempengaruhi sebarang tindakan kerajaan bagi tujuan mendapatkan atau mengekalkan perniagaan.
- b. Bayaran Pemudahan Bayaran dalam bentuk tunai atau barangan (cth., minuman keras, rokok, dll.) kepada pegawai kerajaan atau orang lain dalam jawatan berkuasa (iaitu, pegawai kastam, imigresen, pelabuhan dan terusan, juruterbang, dll.) yang bertujuan "memudahkan" atau "mempercepatkan" pelaksanaan tindakan kerajaan yang rutin seperti pelepasan kastam, pemprosesan visa, pemberian dermaga, dsb., adalah dilarang, kecuali dibenarkan atau dikehendaki secara nyata oleh undang-undang bertulis tempatan. Bayaran yuran sah kepada agensi kerajaan untuk perkhidmatan pentadbiran yang dikehendaki oleh undang-undang atau proses "laluan segera" yang diiktiraf secara rasmi adalah dibenarkan.
- c. Tindakan Layanan. Segala tindakan layanan seperti tiket penerbangan, penginapan dan/atau makanan, hadiah, keraian dan perbelanjaan promosi yang diberikan kepada atau diterima daripada pegawai kerajaan atau orang lain jika dibenarkan, mesti ditawarkan atau diterima dengan niat baik untuk tujuan perniagaan yang sah (iaitu, untuk mewujudkan hubungan mesra, mempromosikan muhibah, atau menunjukkan atau menerangkan produk dan perkhidmatan, dll.) dan hendaklah telus, wajar dan sentiasa bersifat seimbang.
- d. Tanggungjawab Pematuhan Anda dikehendaki menghormati integriti perniagaan rakan kongsi perniagaan kerajaan dan dalam melaksanakan dan menjalankan sebarang perniagaan dengan kerajaan pusat A.S., sebagai rakan kongsi perniagaan, hendaklah pada setiap masa mematuhi secara ketat dan bertindak selaras dengan undang-undang, aturan dan peraturan persekutuan, negeri, tempatan dan antarabangsa.

D. Amalan Perakaunan

Tata Kelakuan Perniagaan Beretika

Tarikh Kuat Kuasa: 08/01/2017

1. NCLH akan mengikut peraturan dan amalan perakaunan yang diterima dan akan menyenggara pengawalan sistem perakaunan dalaman secukupnya untuk memberi jaminan wajar bahawa transaksi dilaksanakan hanya mengikut dasar dan prosedur yang ditetapkan dan semua transaksi tersebut direkodkan dengan betul. Maklumat lengkap dan tepat hendaklah diberikan kepada segala pertanyaan daripada juruaudit dalaman NCLH dan juruaudit bebas di luar.
2. Tiada catatan palsu, mengelirukan atau buatan akan dibuat dalam buku kira-kira, rekod atau laporan korporat untuk apa jua sebab dan tiada dana atau aset korporat yang tidak didedahkan atau tidak direkodkan akan ditubuhkan untuk apa jua tujuan. Tiada bayaran daripada dana korporat atau aset lain akan diluluskan atau dibuat dengan tujuan atau fahaman bahawa mana-mana bahagian bayaran itu akan digunakan untuk sebarang tujuan selain daripada yang diterangkan oleh dokumen menyokong bayaran tersebut. Invois atau resit, laporan belanja atau dokumen biasa lain dengan kelulusan yang betul, semuanya menurut dasar yang tertubuh, mesti menyokong semua bayaran.
3. Bergantung pada jawatan anda dengan NCLH, anda mungkin diminta memberi maklumat yang diperlukan untuk memastikan bahawa laporan awam NCLH adalah lengkap, betul dan boleh difahami atau mengesahkan ketepatannya. NCLH menghendaki anda memandang berat tanggungjawab ini dan memberikan jawapan yang cepat dan tepat kepada pertanyaan berkaitan syarat-syarat pendedahan umum NCLH.

E. Ketepatan Laporan Kewangan dan lain-lain Komunikasi Awam

Dasar NCLH adalah untuk mendedahkan dengan segera maklumat yang tepat dan lengkap dalam semua aspek penting mengenai perniagaan, keadaan kewangan dan hasil operasi kami. Pelaporan tidak tepat, tidak lengkap atau tidak tepat masa secara material tidak akan diberikan tolak ansur dan boleh memudaratkan NCLH dan menimbulkan liabiliti undang-undang. Pegawai, pengarah dan ahli-ahli pasukan perlu berwaspada, dan segera melaporkan, tentang bukti laporan kewangan yang tidak betul.

F. Kerahsiaan Maklumat

1. Anda dilarang membincangkan hal ehwal perniagaan dalaman NCLH dengan sesiapa di luar organisasi kecuali apa yang diperlukan dalam perjalanan biasa perniagaan. Maklumat yang dianggap sulit di bawah dasar ini hendaklah tidak dibincangkan dengan sesiapa pun di luar organisasi dan hanya dibincangkan dalam organisasi atas dasar "perlu tahu" (rujuk kepada *CORP-1010 Dasar bagi Pendedahan Komunikasi Korporat* untuk butir selanjutnya).
2. Anda tidak boleh (i) menggunakan "maklumat dalaman" (maklumat yang diperoleh hasil daripada bekerja dengan NCLH yang tidak boleh didapati oleh orang awam) atau (ii) menggunakan maklumat perniagaan, sulit, atau proprietari yang penting kepada operasi NCLH untuk faedah peribadi atau untuk faedah mana-mana ahli keluarga terdekat, kawan atau ahli pasukan NCLH lain. Anda akan sentiasa menjaga kerahsiaan semua maklumat dalaman. Rujuk kepada Seksyen VI.G untuk maklumat lanjut mengenai larangan terhadap berdagang dalam pasaran sekuriti berdasarkan maklumat bukan awam material.

Tata Kelakuan Perniagaan Beretika

Tarikh Kuat Kuasa: 08/01/2017

3. Item-item yang jelas sulit atau proprietari termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat mengenai produk baru atau yang dicadangkan, jadual perjalanan, pencapaian teknikal, pangkalan data penumpang, senarai pelanggan, jualan, pendapatan, data kewangan, rancangan perniagaan dan pemasaran, maklumat kakitangan, data gaji, dan cadangan penggabungan, usaha sama atau pengambilalihan. Kod perisian dan reka bentuk kejuruteraan juga dianggap maklumat proprietari sebagaimana maklumat dalaman, rahsia perdagangan, dll. yang dihasilkan oleh anda atau ahli pasukan NCLH lain semasa bekerja dengan NCLH. Pendedahan tanpa kebenaran mana-mana maklumat sedemikian mungkin besar nilainya kepada persaingan kita dan memudaratkan NCLH dan boleh membawa kepada tindakan sivil dan/atau jenayah diambil terhadap anda.
4. Semua ahli pasukan NCLH hendaklah mengikut garis panduan di bawah mengenai rakaman video, fotografi dan rakaman audio:
 - a. Kecuali dibenarkan secara bertulis oleh pasukan perhubungan awam, anda dilarang melibatkan diri dalam rakaman video, fotografi dan/atau rakaman audio di premis syarikat, termasuk kapal NCLH (di kawasan bukan untuk tetamu), bagi tujuan meletakkan imejan dalam talian atau disebarkan secara lain.
 - b. Kecuali dibenarkan secara bertulis oleh pasukan perhubungan awam, anda dilarang melibatkan diri dalam rakaman video dan/atau fotografi yang melibatkan logo dan seragam NCLH (dibuat di kawasan bukan untuk tetamu) bagi tujuan meletakkan imejan dalam talian atau disebarkan secara lain. Pengecualian terhadap item ini boleh dibuat oleh pasukan perhubungan awam bagi tujuan latihan atau penyiasatan.
5. Tetamu, ahli pasukan dan vendor NCLH mempercayai NCLH dengan maklumat peribadi mereka. Dasar NCLH dan undang-undang kebanyakan negeri dan negara di mana NCLH beroperasi menghendaki ahli pasukan NCLH mengambil langkah melindungi data ini daripada akses tanpa kebenaran dan berhati-hati apabila mengumpul maklumat peribadi. Jika anda mempunyai soalan mengenai dasar dan undang-undang ini, sila hubungi CETHO.

Syarat-syarat berkaitan dengan ketakdedahan maklumat dalaman dan kesanggupan anda untuk menerima dasar tidak akan tamat apabila anda berhenti kerja dengan NCLH, walau apa sebab penamatan.

G. Pematuhan

1. Anda dikehendaki mematuhi piawai etika dan integriti yang tertinggi dalam kelakuan anda. Kelakuan yang boleh menimbulkan keraguan terhadap kejujuran, integriti, kesaksamaan, reputasi NCLH atau aktiviti yang boleh memberi malu kepada NCLH atau merosakkan reputasinya adalah dilarang. Sebarang aktiviti yang tidak beretika, menyalahi undang-undang atau kelakuan perniagaan yang tidak betul mesti dielakkan, dan sebarang aktiviti atau perniagaan dengan penjenayah yang diketahui atau organisasi atau individu yang tidak beretika adalah dilarang sama sekali.
2. NCLH bertujuan mengatasi persaingannya secara adil dan jujur. Kami mahu mendapatkan kelebihan daya saing melalui prestasi unggul, bukan melalui

Tata Kelakuan Perniagaan Beretika

Tarikh Kuat Kuasa: 08/01/2017

amalan perniagaan yang tidak beretika atau menyalahi undang-undang. Mencuri maklumat proprietari, memiliki maklumat rahsia perniagaan yang diperoleh tanpa persetujuan pemilik, atau mendorong pendedahan demikian oleh pekerja dahulu atau sekarang syarikat lain adalah dilarang. Anda hendaklah mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan dan dikehendaki berurusan secara jujur, beretika dan adil dengan pelanggan, klien dan ahli pasukan NCLH, pengurusan NCLH dan orang ramai. Anda dikehendaki menerapkan piawai kelakuan perniagaan beretika yang tertinggi dalam melaksanakan tanggungjawab kerja anda. Ahli pasukan tidak harus mengambil kesempatan ke atas sesiapa melalui manipulasi, penyembunyian, penyalahgunaan maklumat sulit, penyalahnyataan fakta material, atau sebarang amalan pengendalian tidak adil yang sengaja lain. NCLH hendaklah mematuhi semua undang-undang antitrust dan persaingan. Ahli pasukan NCLH dilarang membincangkan harga atau membuat persetujuan rasmi atau tidak rasmi dengan pesaing mengenai harga, diskaun, peruntukan pelanggan atau wilayah atau membuat persetujuan untuk enggan berurusan niaga dengan pelanggan atau vendor tertentu. Jika anda mempunyai soalan berkaitan dengan undang-undang antitrust dan persaingan, sila hubungi CETHO.

3. Anda dikehendaki menghormati semua pemilikan peralatan, bekalan, buku kira-kira dan rekod NCLH. Rekod adalah harta syarikat NCLH dan ia tidak boleh dikeluarkan kecuali jika diperlukan untuk melakukan tugas di luar pejabat yang berkaitan dengan kerja anda (ini termasuk manual, senarai dan maklumat lain yang digunakan dalam tugas harian anda). Peralatan pejabat, komputer dan telekomunikasi (termasuk talian komunikasi sewaan) adalah untuk kegunaan NCLH sahaja dan penggunaan peralatan ini untuk tujuan peribadi adalah dilarang.
4. Dalam menjalankan tugas anda, anda mungkin terdedah kepada maklumat mengenai NCLH atau syarikat lain yang tidak boleh didapati oleh orang awam. Penggunaan maklumat "dalaman" bukan awam demikian untuk tujuan perdagangan sekuriti adalah dilarang sama sekali, sama ada oleh anda atau mana-mana ahli keluarga terdekat anda atau mana-mana individu lain yang anda mungkin telah beritahu maklumat itu. Ia bukan sahaja tidak beretika tetapi juga menyalahi undang-undang dan boleh mendedahkan anda kepada penalti sivil dan jenayah.
5. Undang-undang A.S. melarang sesiapa sahaja yang mempunyai maklumat bukan awam tentang sesebuah syarikat daripada berdagang sahamnya atau lain-lain sekuritinya. Maklumat "material" biasanya ditakrifkan sebagai sebarang maklumat yang mungkin mempengaruhi pelabur yang wajar untuk membeli, menjual atau memegang saham. Contoh biasa termasuk penyata kewangan, ramalan kewangan, kemungkinan penggabungan, pengambilalihan atau penyahlaburan, pembangunan produk penting dan perubahan besar dalam hala tuju perniagaan. Undang-undang A.S. juga melarang sesiapa yang memiliki maklumat bukan awam material daripada menggunakannya untuk memberi tip kepada sesiapa sahaja yang mungkin menggunakannya untuk berdagang.
6. Pelanggaran undang-undang ini boleh membawa kepada penalti sivil dan jenayah, termasuk denda atau hukuman penjara. Jika anda kurang pasti tentang peraturan undang-undang yang mengawal pembelian dan penjualan sekuriti, anda harus meminta nasihat CETHO sebelum berdagang. Jika anda melibatkan diri dalam perdagangan orang dalam, anda akan tertakluk kepada penamatan

Tata Kelakuan Perniagaan Beretika

Tarikh Kuat Kuasa: 08/01/2017

kerja serta-merta dan mungkin hukuman sivil dan jenayah yang lain (rujuk kepada *CORP-1601 Dasar Perdagangan Orang Dalam* untuk maklumat lanjut).

7. Amerika Syarikat dan banyak negara lain telah menggubal peraturan embargo yang melarang transaksi perniagaan dengan negara-negara atau individu tertentu yang boleh mengancam keselamatan negara dan dasar luar negara. Sebagai dasar umum, NCLH adalah komited kepada mematuhi undang-undang sekatan A.S. dalam segala aktiviti. NCLH menghendaki semua kakitangannya menegakkan mandat ini pada setiap masa, dan tidak melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang tidak mematuhi undang-undang sekatan A.S. Untuk senarai semasa negara yang dikenakan sekatan A.S., sila hubungi CETHO.
8. NCLH dan ahli pasukannya dikehendaki menjalankan perniagaan selaras dengan segala undang-undang dan peraturan persekitaran, kesihatan dan keselamatan ("EHS"). Program EHS NCLH direka untuk memastikan pemeliharaan persekitaran, dan keselamatan tetamu, ahli pasukan dan vendor NCLH.

H. Diskriminasi dan Gangguan

Kepelbagaian ahli pasukan NCLH merupakan aset yang besar. NCLH amat komited terhadap menyediakan peluang yang sama dalam semua aspek pekerjaan dan tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk diskriminasi atau gangguan di tempat kerja berasaskan, antara lain, bangsa, warna kulit, agama, negara asal, umur, jantina, orientasi seksual atau kurang upaya. Sesiapa sahaja di NCLH yang mendiskriminasikan atau mengganggu ahli pasukan lain adalah tertakluk kepada disiplin ketat, termasuk penamatan kerja dalam kes yang wajar. Ahli pasukan hendaklah segera melaporkan sebarang diskriminasi atau gangguan tidak wajar kepada pengurus yang berkenaan. Semua aduan akan disiasat dengan segera dan secara sulit. Mana-mana ahli pasukan yang melaporkan kejadian diskriminasi atau gangguan tidak akan tertakluk kepada tindakan balas.

I. Hak Asasi Manusia

NCLH menyokong hak asasi manusia dan mengecam segala bentuk eksploitasi kanak-kanak, buruh paksa dan perdagangan manusia berkaitan dengan NCLH atau vendornya, anda adalah digalakkan melaporkan maklumat itu melalui Hotline Pelaporan (rujuk kepada *CORP-0801 Dasar Hotline Pelaporan* untuk butir lanjut).

VII. PROSEDUR

A. Adalah sangat penting mengetahui segala aspek Tatalaku ini.

1. Pada masa pengambilan kerja (bahagian pantai) atau menyertai kapal (bahagian kapal), anda akan menerima satu salinan Tatalaku dan dikehendaki melengkapkan dan menandatangani Perakuan. Pengesahan bertandatangan hendaklah dikembalikan kepada HR oleh ahli pasukan bahagian pantai dan kepada Pengurus Personel kapal oleh anak kapal.
2. Pada setiap tahun, anda akan diminta secara berkala untuk mengaku bahawa anda telah membaca Tatalaku ini dan telah mendedahkan sebarang

Tata Kelakuan Perniagaan Beretika

Tarikh Kuat Kuasa: 08/01/2017

kemungkinan konflik. Selain itu, anda harus melaporkan sebaik sahaja anda rasa sebarang aktiviti, minat atau hubungan anda boleh menyebabkan anda tidak mematuhi Tatalaku.

3. NCLH akan mengadakan program latihan untuk membantu anda memahami piawai yang dikehendaki daripada anda oleh Tatalaku dan mewujudkan prosedur untuk membantu anda menyelesaikan persoalan, memberikan bimbingan dan untuk melaporkan pelanggaran yang disyaki, atau menyatakan kekhawatiran mengenai pematuhan kepada piawai kelakuan ini. CETHO adalah bertanggungjawab terhadap pembangunan dan pelaksanaan program latihan tersebut.
4. Adalah menjadi tanggungjawab anda dan dasar NCLH untuk menggalakkan ahli pasukan NCLH untuk bertanya, mendapatkan panduan, melaporkan pelanggaran yang disyaki atau menyatakan kekhawatiran mereka tentang pematuhan kepada Tatalaku ini. Anda boleh melaporkan penemuan ini melalui penyelia anda, HR, CETHO atau Hotline Pelaporan (rujuk kepada *CORP-0801 Dasar Pelaporan Hotline* untuk butir lanjut). Hotline Pelaporan adalah sistem tanpa nama yang ahli pasukan boleh guna 24 jam sehari, 365 hari setahun tanpa takut tindakan balas atau hukuman. Tindakan melaporkan situasi yang dipersoalkan tidak semestinya mengatakan bahawa pelanggaran wujud, tetapi ia memberikan peluang untuk siasatan. Sebarang laporan - sama ada untuk pelanggaran undang-undang atau Tatalaku, perakaunan atau pengauditan tidak wajar atau meragukan, atau laporan kewangan atau pendedahan awam lain yang tidak tepat - boleh dibuat tanpa nama. NCLH tidak bertolak ansur dengan sebarang tindakan balas atau hukuman terhadap laporan atau aduan mengenai salah laku yang dibuat secara jujur.

- B. Tatalaku ini tidak harus dianggap sebagai gambaran lengkap segala dasar korporat NCLH kerana terdapat beberapa dasar yang tidak dinyatakan dalam Tatalaku ini. Dasar-dasar tersebut memberikan panduan tambahan mengenai cara berkelakuan yang dikehendaki daripada semua ahli pasukan NCLH, dan disediakan untuk anda semasa dan sepanjang, dan dalam keadaan tertentu selepas, pekerjaan anda dengan NCLH.

VIII. PENGECUALIAN

Pengecualian di bawah Tatalaku untuk pegawai (seperti ditakrifkan dalam Peraturan 16a-1(f) di bawah Akta Bursa Sekuriti 1934) atau pengarah ini, termasuk pengecualian tersirat, hendaklah dilakukan oleh Jawatankuasa Audit NCLH atau Lembaga Pengarah. Sebarang pengecualian di bawah Tatalaku untuk pegawai atau pengarah ini akan segera diberitahu kepada pemegang saham seperti yang dikehendaki oleh undang-undang berkaitan atau peraturan bursa saham di mana saham NCLH disenaraikan untuk perdagangan.